1. mempunyai pengetahuan asas yang kukuh terutama dalam subjek sains dan matematik yang diperlukan oleh pelajar untuk mengikuti program Diploma.
 2. mampu berdaya saing dan berkebolehan untuk berfikir secara kritis.
 3. mempunyai kemahiran sosial yang tinggi dan berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dan masyarakat.

RINGKASAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Program	Pengetahuan dan Kefahaman	Kemahiran Praktikal	Kemahiran Kognitif	Kemahiran Komunikasi	Kemahiran Interpersonal	Etika dan Profesionalisme	Kemahiran Digital	Kemahiran Numerasi
	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7	P10
Persediaan Diploma Sains	12	8	4	4	6	4	4	2

5. Kursus / Courses (42 kredit / credits)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A	PRASYARAT/ PREREQUISITE	(√) Jika lulus/ if passed
SLE0001	Bahasa Inggeris Asas I	3	3	0	Tiada/ None	
SLE0002	Bahasa Inggeris Asas II	3	3	0	SLE0001	
SFK0501	Literasi Komputer I	2	1	1	Tiada/ None	
SFK0502	Literasi Komputer II	2	1	1	SFK0501	
SFB0103	Biologi Pengenalan I	4	3	1	Tiada/ None	
SFB0104	Biologi Pengenalan II	4	3	1	SFB0103	
SFC0203	Kimia Pengenalan I	4	3	1	Tiada/ None	
SFC0204	Kimia Pengenalan II	4	3	1	SFC0203	
SFM0303	Matematik Pengenalan I	4	4	0	Tiada/ None	
SFM0304	Matematik Pengenalan II	4	4	0	SFM0303	
SFP0403	Fizik Pengenalan I	4	3	1	Tiada/ None	

SFP0404	Fizik Pengenalan II	4	3	1	SFP0403	
---------	---------------------	---	---	---	---------	--

SKEMA PENGAJIAN/ STUDY SCHEME

TAHUN 1/ 1ST YEAR

SEMESTER 1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A
SLE0001	Bahasa Inggeris Asas I	3	3	0
SFK0501	Literasi Komputer I	2	1	1
SFB0103	Biologi Pengenalan I	4	3	1
SFC0203	Kimia Pengenalan I	4	3	1
SFM0303	Matematik Pengenalan I	4	4	0
SFP0403	Fizik Pengenalan I	4	3	1
JUMLAH /TOTAL		21	17	4

SEMESTER 2/ 2ND SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A
SLE0002	Bahasa Inggeris Asas II	3	3	0
SFK0502	Literasi Komputer II	2	1	1
SFB0104	Biologi Pengenalan II	4	3	1
SFC0204	Kimia Pengenalan II	4	3	1
SFM0304	Matematik Pengenalan II	4	4	0
SFP0404	Fizik Pengenalan II	4	3	1
JUMLAH /TOTAL		21	17	4

STRUKTUR KURIKULUM/ CURRICULUM STRUCTURE

Nama Program : **Asas Diploma / Foundation for Diploma Programme**

Jumlah Kredit Bergraduat : **20 Jam Kredit / Credit Hours**

Tempoh Pengajian : **1 Semester/Semesters**

- Matlamat Program** :
1. Pelajar dapat mengikuti program dalam bidang Sains Sosial dan Pengurusan di peringkat Diploma;
 2. Pelajar mampu menguasai pengetahuan asas sebagai persediaan ke peringkat Diploma
 3. Pelajar mempunyai kemahiran dan kebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan

RINGKASAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Program	Pengetahuan dan Kefahaman (C)	Kemahiran Praktikal (P)	Kemahiran Kognitif (CTPS)	Kemahiran Berkomunikasi (CS)	Kemahiran Interpersonal (TS)	Etika dan Profesionalisme (EM)	Kemahiran Digital dan Pendidikan Sepanjang Hayat (LL)
	PO1	PO2	PO3	PO4	PO5	PO6	PO7
Asas Diploma	7	2	2	2	3	3	3

1. 1. Kursus / Courses (20 kredit / credits)

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A	PRASYARAT/ PREREQUISITE	(√) Jika lulus/ if passed
SPD0111	Kemahiran Asas Bahasa Inggeris/ <i>Elemental English Skills</i>	3	3	0	Tiada/ None	
SPD0211	Matematik Pengenalan/ <i>Introductory Mathematics</i>	3	3	0	Tiada/ None	
SPD0311	Asas Perniagaan/ <i>Fundamentals of Business</i>	3	3	0	Tiada/ None	
SPD0411	Asas Pembangunan Manusia/ <i>Fundamentals of Human Development</i>	3	3	0	Tiada/ None	
SPD0421	Motivasi dan Ekologi Kerja/ <i>Motivation and Work Ecology</i>	2	2	0	Tiada/ None	
SPD0511	Sains Pengenalan/ <i>Introductory Science</i>	3	2	1	Tiada/ None	
SPD0611	Literasi Komputer/ <i>Computer Literacy</i>	3	2	1	Tiada/ None	

SKEMA PENGAJIAN/ STUDY SCHEME

TAHUN 1/ 1ST YEAR

SEMESTER 1/ 1ST SEMESTER

KOD KURSUS/ COURSE CODE	NAMA KURSUS/COURSE NAME	Kr	K	A
SPD0111	Kemahiran Asas Bahasa Inggeris/ <i>Elemental English Skills</i>	3	3	0
SPD0211	Matematik Pengenalan/ <i>Introductory Mathematics</i>	3	3	0
SPD0311	Asas Perniagaan/ <i>Fundamentals of Business</i>	3	3	0
SPD0411	Asas Pembangunan Manusia/ <i>Fundamentals of Human Development</i>	3	3	0
SPD0421	Motivasi dan Ekologi Kerja/ <i>Motivation and Work Ecology</i>	2	2	0
SPD0511	Sains Pengenalan/ <i>Introductory Science</i>	3	2	1
SPD0611	Literasi Komputer/ <i>Computer Literacy</i>	3	2	1
JUMLAH /TOTAL		20	18	2

perniagaantani yang melibatkan sistem pengeluaran makanan, pengguna, sumber kewangan, peranan kerajaan dan cabaran perniagaantani adalah diliputi

This course introduces the concept of agribusiness, its importance and relationship with the general economy and employment opportunities in the field. Agribusiness production involving food production system, consumers, finance resources, roles of the government and agribusiness challenges are covered

SAB2405 Projek Keusahawan Tani/ *Agro-Entrepreneurship Project* 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi latihan amali dalam pengurusan projek keusahawanti. Pelajar dikehendaki memilih, melaksanakan projek perniagaantani dan menghantar laporan komprehensif setelah projek tamat

This course provides practical training in agro-entrepreneurship project management. Students are required to select, implement the agro-entrepreneurship project and submit a comprehensive report upon project completion

SAB2407 Keusahawanan Tani/ *Agro-Entrepreneurship* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada keusahawanan tani, strategi dalam kejayaan perniagaan, aspek penting dalam rancangan perniagaan dan persediaan sebagai usahawanan tani yang berdaya saing

This course focuses on agro-entrepreneurship, strategies for business success, the important aspects in business planning and preparation as competitive agro-entrepreneur

SAB2408 Pemasaran Perniagaantani/ *Agribusiness Marketing* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum aspek pemasaran dalam perniagaantani terutamanya faktor persekitaran yang mempengaruhi strategi pemasaran (4P). Pemetakan dan perletakan, ciri produk pertanian dan bagaimana ia mempengaruhi aktiviti pemasaran sama ada dalam pasaran tempatan atau antarabangsa akan dibincangkan

This course encompasses marketing aspects in agribusiness especially environment factors that influence marketing strategies (4P). Segmentation and positioning, the characteristics of agriculture products and how it influences marketing activities locally or internationally will be discussed

SAB2409 Perancangan Dan Pengurusan Projek Perniagaantani/ *Agribusiness Project Planning And Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada perancangan dan pengurusan projek. Ianya meliputi anggaran tempoh projek, penjadualan dan kos yang terlibat. Impak perancangan dan pengurusan yang berkesan ke atas pelaksanaan projek akan turut dibincangkan

This course focuses on planning and management of projects. It covers the estimation of project duration, schedule and cost involved. Impact of effective planning and organisation on project implementation will also be discussed

- SAB2902 Latihan Industri/ *Industrial Training* 6(0+6)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi latihan industri selama 12 minggu di agensi kerajaan atau swasta yang terpilih. Latihan merangkumi aplikasi teori dan praktikal yang dikendalikan oleh agensi terlibat. Kemahiran menyelesaikan masalah dan kepimpinan adalah diberi penekanan
- This course covers an industrial training for a period of 12 weeks at various selected government and private agencies. Training includes the application of theories and practicals conducted by the agencies involved. Problem solving and leadership skills are also emphasized*
-
- SEC2101 Prinsip Ekonomi/ *Principles of Economics* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum prinsip mikroekonomi dan makroekonomi. Teori mikroekonomi meliputi konsep permintaan dan penawaran, pengeluaran, dan pelbagai jenis struktur pasaran. Kesan inflasi dan dasar kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi negara juga turut dibincangkan
- This course encompasses the principles of microeconomics and macroeconomics. Microeconomics theory covers the concepts of demand and supply, production, and different types of market structures. The impact of inflation and government policies on the economy of the country are also discussed*
-
- SMG2101 Prinsip Pengurusan/ *Principles of Management* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi fungsi dan proses pengurusan bagi organisasi. Penekanan diberikan kepada kepimpinan dalam organisasi, mengurus organisasi dan kepentingan pembuatan keputusan yang baik
- This course covers the management functions and processes for organisation. Emphasis is given to leadership in organisation, managing the organisation and the importance of good decision making*
-
- SMG2201 Gelagat Pengguna/ *Consumer Behaviour* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum kesan gelagat pengguna dalam mempengaruhi keputusan perniagaan dan masyarakat secara keseluruhannya. Ia termasuk pengaruh dalaman dan luaran serta identiti pengguna sendiri
- This course encompasses the effect of consumer behaviour in influencing business decision and the society as a whole. It includes internal and external influences as well as consumers' identity*
-
- SMG2302 Undang-undang Perniagaan/ *Business Law* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum prinsip undang-undang berkaitan penubuhan dan pengurusan sesuatu perniagaan. Penekanan diberikan kepada sistem perundangan Malaysia, undang-undang kontrak dan syarikat
- This course encompasses the principles of law relating to the establishment and management of business. Emphasis is given to the Malaysian legal system, contract and company laws*

SMG2308	Komunikasi Perniagaan/ <i>Business Communication</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
<p>Kursus ini merangkum fungsi dan kepentingan komunikasi dalam dunia perniagaan. Tumpuan diberikan ke atas aspek kemanusiaan dengan penekanan kepada strategi dan teknik komunikasi yang berkesan untuk mencapai matlamat organisasi.</p> <p><i>This course encompasses the functions and importance of communication in the business world. Focus is on the human aspects with emphasis on effective communication strategies and techniques to achieve the organisational goal</i></p>		
SMG2304	Matematik Perniagaan/ <i>Business Mathematics</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
<p>Kursus ini merangkum konsep asas algebra dan kalkulus. Gambaran secara keseluruhan algebra dan kalkulus serta aplikasinya dalam persekitaran ekonomi dan perniagaan adalah ditekankan</p> <p><i>This course encompasses the basic concept of algebra and calculus. An overview of algebra and calculus and its application in business and economic environments are emphasised</i></p>		
SMG2306	Statistik Perniagaan/ <i>Business Statistics</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
<p>Kursus ini menekankan kepada konsep asas statistik dan kaedah untuk mengumpul, menyimpan serta menganalisis maklumat dan data perniagaan dan ekonomi. Pentafsiran data yang telah dianalisa dalam pembuatan keputusan juga diberi penekanan</p> <p><i>This course emphasises the basic concepts of statistics and methods of collecting, storing and analyzing business and economic information and data. Interpretation of analysed data in decision making is also highlighted</i></p>		
LPE1101	Bahasa Inggeris Asas/ <i>Foundation English</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
<p>Kursus ini merangkumi kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris pada tahap fungsional. Keupayaan penggunaan ungkapan bahasa dan tatabahasa yang sesuai dan penyampaian idea dengan jelas dalam perbincangan turut dititikberatkan</p> <p><i>This course covers the listening, reading, speaking, and writing skills in English to attain functional levels of the language. Ability to comprehend various texts, to use appropriate language expressions and grammar, and to communicate ideas clearly in discussions is also emphasised</i></p>		
LPE1102	Kemahiran Bahasa Inggeris Akademik/ <i>Academic English Skills</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
<p>Kursus ini merangkumi penggunaan bahasa Inggeris dalam konteks akademik kepada pelajar. Pembinaan kemahiran asas untuk memperoleh maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan pembentangan maklumat dengan menggunakan bahasa yang tepat dan berkesan turut dititikberatkan</p> <p><i>This course covers the use of English in an academic context. Developing essential skills for gathering relevant information from various sources and presenting information using effective and accurate language are emphasised</i></p>		

FEM2310 Nilai, Budaya dan Masyarakat Malaysia/ *Malaysian Values, Culture and Society* 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkum konsep asas nilai, budaya, pengetahuan dan amalan hormat menghormati serta tata susila masyarakat di Malaysia. Isu semasa dan cabaran perbezaan budaya di era global dibincangkan

This course encompasses the basic concepts of value, culture, knowledge and the practice of mutual respect as well as decorum of Malaysian society. Current issues and challenges of cultural diversities in the global era are discussed

SKP2101 Falsafah dan Kehidupan/ *Philosophy and Life* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi sejarah negara, sistem dan organisasi kerajaan serta dasar-dasar negara. Kursus ini juga membahaskan proses pembinaan negara bangsa dan kepentingan patriotisme

This course encompasses the nation's history, governments' system and organization as well as national policies. This course also discusses the process of nation building and the significance of patriotism

SKP2113 Falsafah dan Kehidupan/ *Philosophy and Life* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi fungsi falsafah, sejarah perkembangan, tokoh terpilih, aliran pemikiran utama; ontologi, epistemologi dan aksiologi. Kursus ini juga merangkumi komponen penting falsafah dan hubungkaitnya dengan bidang ilmu lain.

This course covers the function of philosophy, historical development, selected figures, major schools of thought; ontology, epistemology and axiology. This course also encompasses the important components of philosophy and its relationship with other disciplines

SKP2123 Etika dan Peradaban 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi pentakrifan konsep etika daripada peradaban yang berbeza; penjelasan sistem, tahap perkembangan dan kemajuan sosial dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Kursus ini juga merangkumi isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaba

This course covers the definition of the concept of ethics from different civilizations; analysis of the systems, developmental stages and social progress in strengthening social integration. This course also encompasses the contemporary issues related to economics, politics, social, culture and environment from the perspective of ethics and civilization

SFM2001 Matematik Pengenalan/ *Introduction to Mathematics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan asas matematik merangkumi konsep algebra dan kalkulus. Ia menekankan teknik penyelesaian masalah matematik dalam sains dan teknologi.

This course introduces the basics of mathematics covering the concepts of algebra and calculus. It emphasizes mathematical problem-solving techniques in science and technology.

SFM2002 Matematik Gunaan/ *Applied Mathematics* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan penggunaan teknik matematik dan aplikasinya dalam sains dan teknologi. Penekanan diberikan kepada penyelesaian masalah menggunakan persamaan pembezaan dan kamiran. Pengenalpastian masalah dalam sains dan teknologi dan penyelesaiannya menggunakan teknik matematik turut dibincangkan.

This course introduces the use of mathematical techniques and their applications in science and technology. Emphasis is given

to problem solving using differential and integral equations. Problem identification in science and technology and its solution

using mathematical techniques are also discussed.

PRT2008 Pertanian dan Manusia/ *Agriculture and Man* 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meninjau evolusi pertanian daripada permulaan kepada status masa kini sebagai aktiviti terancang dan terurus, didorong oleh kemajuan ekonomi dan teknologi. Pertanian moden dipaparkan sebagai sains, seni dan bisnes yang meliputi peranan dan impaknya terhadap pengurusan sumber dan pembangunan manusia. Perbincangan merangkumi senario pertanian Malaysia.

This course explores the evolution of agriculture from the beginnings to its present status as planned and managed activities, driven by economics and technological advancement. Modern agriculture is presented as a science, an art and a business encompassing its role and impact on resource management and human development. Discussion incorporates Malaysian agriculture scenarios

AFS2001 Program Buku Hijau/ *Green Book Programme* 2(0+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi teknik penggunaan peralatan serta teknologi dalam amalan pertanian dan mengenal pasti kaedah yang sesuai dalam pengurusan aktiviti pertanian. Latihan dan kerja lapangan dilaksanakan dengan amalan pertanian yang baik.

This course covers techniques for using equipment and technology in agricultural practices and identifying appropriate methods in managing agricultural activities. Training and fieldwork are carried out with good farming practices.

SAB2420 Pengurusan Perniagaan Ladang/ *Farm Business Management* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip, konsep dan teknik pengurusan perniagaan sebuah ladang termasuk operasi, dan belanjawan. Ia meliputi analisa, penilaian dan pembuatan keputusan berkaitan pengurusan perniagaan ladang. Belanjawan kewangan dan budaya keusahawantani adalah ditekankan

This course covers the principle, concept and technique of business planning and management involving all farm resources. It covers the analysis, evaluation and decision making related to management of farm businesses. Financial budgeting and agro entrepreneurial culture are highlighted

- FMA2006 Teknologi Akuakultur/ *Aquaculture Technology* 3(1+2)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi kepentingan ekosistem akuatik dan persekitarannya dalam pembangunan teknologi akuakultur. Tren dan teknologi terkini dalam sistem kultura dan status teknologi pembiakan ikan dan kerangan, makanan akuatik dan pasca tuai adalah diberi penekanan
This course covers the importance of aquatic ecosystems and environment in the development of the aquaculture technology. Trends and latest technologies in culture system and the status of technologies in fish and shellfish breeding, aqua feed and post-harvest are emphasised
- EAB2501 Teknologi Pemprosesan Hasil Tanaman/ *Crop Processing Technology* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini meliputi prinsip dan amalan dalam teknologi pemprosesan hasil tanaman. Pemprosesan hasil kelapa sawit, getah, padi dan koko serta pengendalian sisa dari pemprosesan hasil tanaman turut dititikberatkan
This course covers the principles and practices in crop processing technology. Processing of oil palm, rubber, rice and cocoa as well as the handling of wastes from crop processing are also emphasised
- AHP2507 Pengeluaran dan Pemprosesan Hasil Ternakan/ *Production and Processing of Livestock Products* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum produksi ternakan ruminan dan bukan ruminan secara ekstensif dan intensif. Kepentingan industri ternakan, amalan penternakan moden termasuk pengendalian dan pemprosesan hasil ternakan turut dibincangkan. Penekanan diberi kepada amalan baik dalam pengeluaran ternakan.
This course covers extensive and intensive ruminant and non-ruminant livestock production. The importance of the animal industry, modern livestock husbandry practices as well as the handling and processing of livestock products are discussed. Emphasis is on good husbandry practices in livestock production
- EAB2602 Jentera Pertanian, Penjenteraan dan Pengautomatan/ *Agricultural Machinery and Mechanization* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum operasi jentera dan penggunaan jentera dalam aktiviti penyediaan tanah, penanaman dan penuaian. Halangan penjenteraan dan jentera untuk tanaman terlindung serta pengautomatan dalam pertanian turut diberi penekanan
This course encompasses machinery operation and the utilization of machineries for land preparation, planting and harvesting. Obstacles to mechanization and machines for sheltered crops as well as agricultural automation are also emphasised
- CAG2011 Pengeluaran Tanaman Industri/ *Industrial Crop Production* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkum prinsip dan amalan dalam pengurusan tanaman industri. Faktor yang mempengaruhi tumbesaran tanaman seperti tanah, cahaya, air, nutrien, perosak dan penyakit diberi penekanan. Amalan perladangan mesra alam turut diberi perhatian
This course covers principles and practices in managing industrial crops. Factors influencing crop growth such as soil, light, water, nutrients, pests and diseases are emphasised. Environment-friendly plantation practices are addressed

CAG2012	Pengeluaran Tanaman Makanan/ <i>Food Crop Production</i>	3(2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi prinsip dan amalan pengurusan tanaman makanan dengan tumpuan kepada keperluan prasarana berkaitan pembiakan, semaian, pengurusan tanah dan tanaman, sistem penanaman, penyelenggaraan, penuaian dan pengendalian hasil tanaman makanan penting. Pensijilan Amalan Pertanian Baik, pertanian lestari dan keselamatan makanan turut dibincangkan		
<i>This course covers principles and practices in food crops management focusing on infrastructure requirements related to propagation, nursery, soil and crops management, planting systems, maintenance, harvesting and handling of important food crops. Good Agriculture Practices certification, sustainable agriculture and food safety are also discussed</i>		
CES2241	Pengembangan Pertanian/ <i>Agricultural Extension</i>	3(2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian program pengembangan pertanian. Faktor yang mempengaruhi keberkesanan program pengembangan dan kaedah penyampaian yang berkesan bagi kumpulan sasaran yang berlainan turut ditekankan. Kajian kes di kawasan dan kumpulan sasaran yang terpilih, demonstrasi kaedah dan pemindahan teknologi adalah berdasarkan keperluan sebenar		
<i>This course covers the planning implementation and evaluation of agricultural extension programmes. Factors that influence the effectiveness of an extension programme and delivery methods for different target groups are also emphasised. Case studies in selected areas and target groups, methods demonstration and technology transfer are based on actual needs</i>		
CSS1701	Sains Tanah Pengenalan/ <i>Introduction to Soil Science</i>	3(2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi pembentukan, sifat fizik, kimia dan biologi dan pengelasan tanah serta gunatanah di Malaysia. Pengenalpastian sifat dan ciri tanah yang sesuai bagi menjalankan aktiviti pertanian juga turut dibincangkan		
<i>This course covers the formation, physical, chemical and biological properties and classification of land and land use in Malaysia. The identification of suitable soil properties and characteristics for agricultural activities is also discussed.</i>		
KOM2401	Asas Pengucapan Awam/ <i>Basic Public Orator</i>	3(2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi konsep komunikasi, keresahan berkomunikasi, teknik syarahan dan taklimat, kawalan suara dan bahasa badan, alat bantuan, merancang pertunjukan kaedah, jenis pertunjukan kaedah dan struktur pertunjukan kaedah		
<i>This course covers communication concepts, communication apprehension, lecture and briefing techniques, voice control and body language, audio-visual aids, planning of the method demonstration, the types and structure of method demonstration</i>		
FEM2004	Asas Penyelidikan Sains Sosial/ <i>Basic Research for Social Science</i>	3(2+1)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi sumber ilmu dan aplikasi konsep asas dalam penyelidikan sains sosial. Pendekatan dalam penyelidikan, proses saintifik dan kaedah menganalisis data dalam memahami		

realiti sosial diuraikan. Pemerihalan data sains sosial, pembolehubah rawak, taburan persampelan dan ujian hipotesis juga dibincangkan

This course encompasses the sources of knowledge and the application of basic concepts in social science research. The research approaches, scientific process and data analysis methods in understanding social reality are elaborated. Descriptive social science data, random variables, sampling distributions and hypothesis testing are also discussed

FEM2100 Pengenalan Pembangunan Manusia/ *Introduction to Human Development* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan kepada konsep dan falsafah pembangunan manusia dengan menggunakan pendekatan ekologi. Faktor berkaitan dan isu yang boleh menggalakkan atau menyekat pembangunan individu, keluarga, organisasi dan komuniti dibincangkan

This course emphasizes on the concept and philosophy of human development using the ecological approach. Related factors and issues that promote and hinder individual, family, organization and community development are discussed

FEM2101 Keluarga dan Keibubapaan/ *Family and Parenting* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada keluarga sebagai sebuah institusi, pembentukan keluarga serta interaksi dinamik dalam dan luar sistem keluarga. Proses, pendekatan dan strategi keibubapaan mengikut peringkat perkembangan dibincangkan

This course emphasizes the family as an institution, family formation and the dynamic interactions within and outside the family system. Parenting processes, approaches and strategies according to developmental stages are discussed

FEM2102 Asas Psikologi Kanak-Kanak/ *Basic Child Psychology* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi aspek fizikal, kognitif, sosial, emosi dan ekologi pertumbuhan dan perkembangan manusia daripada peringkat persenyawaan sehingga kanak-kanak pertengahan. Penekanan diberikan kepada aspek perkembangan utama di setiap tahap perkembangan kanak-kanak, serta interaksi antara kanak-kanak dan persekitaran

This course covers the physical, cognitive, social, emotional and ecological aspects of human growth and development from conception through middle childhood. Emphasis is given on the major aspects of development at each stage of childhood period, and interaction between the child and the environment

FEM2103 Pengenalan Tekanan dan Daya Tindak/ *Introduction to Stress and Coping* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas tekanan, daya tindak, penyesuaian, kesejahteraan, resiliensi, model tekanan dan strategi daya tindak dalam pelbagai konteks. Punca (stressor), simptom, faktor dan kesan tekanan serta strategi daya tindak dalam kalangan individu turut dibincangkan. Analisis perbandingan teknik pengurusan tekanan dan pengurusan gaya hidup sihat personal yang holistik diberi penekanan

This course covers the concept of stress, coping, adjustment, well-being, resilience, stress model and coping strategies in various contexts. Stressors, symptoms and effect of stress and coping strategies

among individuals are also discussed. Comparative analyses on holistic stress management techniques and personal healthy life style management are emphasized

FEM2104 Bimbingan dan Penasihatatan/ *Guidance and Advising* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokus kepada konsep, falsafah, matlamat, prinsip dan kod etika dalam bimbingan dan penasihatatan. Ciri dan peranan para profesional dalam kerja menolong dijelaskan. Proses, strategi dan kemahiran bimbingan dan penasihatatan dalam pelbagai peringkat hidup serta konteks formal dan informal dianalisis

This course focuses on the concept, philosophy, goals, principles and code of ethics in guidance and advising. Characteristics and roles of professional in the helping profession are discussed. Process, strategies and skills in guidance and advising in various life stages and in the formal and informal contexts are analysed

FEM2105 Psikologi Hubungan Interpersonal/ *Psychology of Interpersonal Relationship* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konteks, pemikiran dan proses tingkah laku interpersonal dari perspektif psikologi. Pengaruh hubungan interpersonal, aplikasi kemahiran interpersonal dan pengurusan konflik dalam interaksi manusia dibincangkan

This course covers context, interpersonal thoughts and the process of behaviour from the psychological perspective. The influence of interpersonal relationships, the application of interpersonal skills and conflicts management in human interaction are discussed

FEM2106 Perlindungan Kanak-Kanak dan Keluarga/ *Child and Family Protection* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokus kepada isu kanak-kanak dan keluarga di Malaysia. Respon sistem eksekutif, perundangan dan kehakiman terhadap isu tersebut turut diberi penekanan

This course focuses on child and family issues in Malaysia. The executive, legislative and judicial systems responses on related issues are emphasised

FEM2107 Kanak-Kanak Kurang Upaya dan Kanak-Kanak Bestari/ *Disabled and Gifted Children* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokus kepada definisi kanak-kanak kurang upaya dan kanak-kanak bestari serta tahap perkembangan mereka dalam aspek fizikal, motor, kognitif, bahasa dan sosio ekonomi. Masalah, teknik penaksiran psiko-pendidikan, strategi pencegahan kecelaruan kanak-kanak, intervensi dan sokongan dibincangkan

This course focuses on the definitions of disabled and gifted children and their developmental stage in the aspects of physical, motor, cognitive, language and social emotion. Problems and psycho-educational assessment techniques, strategies of preventing childhood disorders, interventions and supports are discussed

FEM2201 Kesihatan Persekitaran/ *Environmental Health* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek kesihatan dan persekitaran (fizikal, biologi, kimia dan sosial) dan hubungkait antara kedua-duanya. Masalah kesihatan fizikal, mental dan sosial yang berkaitan dengan gaya hidup dan persekitaran serta kepentingan pembangunan lestari dalam pencegahan dan pengawalan masalah kesihatan persekitaran juga dibincangkan

This course encompasses the aspect of health and environment (physical, biological, chemical and social) and the interaction between them. Physical, mental and social health problems associated with life style and environment as well as the importance of sustainable development in prevention and control of environmental health problem are also discussed

FEM2202 Kemahiran Pengurusan Kewangan/ *Financial Management Skills* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi topik tentang kepentingan perancangan kewangan dan pengurusan kewangan isi rumah. Tumpuan juga diberi kepada analisis masalah kewangan isi rumah dan kemahiran dalam pilihan penggunaan kredit, simpanan, pelaburan, pengurusan risiko, percukaian, perancangan persaraan dan estet isi rumah berdasarkan sistem kewangan konvensional dan Islam

The course encompasses the topic on the importance of household financial planning and financial management. Emphasis is also given on the analysis of household financial problems and skills in choices of credit consumption, savings, investment, risk management, taxation, retirement and estate planning based on conventional and Islamic systems

FEM2203 Konsep dan Prinsip Pemasaran/ *Marketing Concepts and Principles* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan prinsip asas pemasaran dalam organisasi. Penekanan diberi kepada implikasi strategi pemasaran dan faktor persekitaran yang mempengaruhi kegiatan pemasaran

This course encompasses basic principles and concepts of marketing in organization. Emphasis is given on implications of marketing strategy and environmental factors that influenced marketing activities

FEM2204 Pembangunan Keusahawanan/ *Entrepreneurial Development* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, ciri usahawan dan kepentingan keusahawanan dalam konteks pembangunan negara. Perbincangan mengenai sesebuah perniagaan dari aspek pengurusan, pemasaran, pengeluaran dan operasi, personel dan pengurusan kewangan diberi penekanan

This course encompasses the concepts, characteristics of entrepreneur and the importance of entrepreneurship in the context of national development. Discussion about the aspects of managerial, marketing, production and operation, personnel and financial management are emphasized

FEM2205 Pengurusan Ekonomi Keluarga/ *Family Economics Management* 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, prinsip dan teori ekonomi serta aplikasinya dalam kehidupan keluarga. Proses pengurusan sumber keluarga dan faktor yang mempengaruhi keteguhan ekonomi keluarga serta hubungkaitnya dengan kesejahteraan keluarga juga dibincangkan.

This course encompasses the economics concepts, principles and theories and its application in family life. The management process of family resources and factors influencing family economics and its relationship with family well being are also discussed

FEM2206 Pemakanan dan Kesihatan/ *Nutrition and Health* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip pemakanan dan kesihatan serta penggunaannya dalam perancangan diet sihat. Tumpuan diberikan kepada masalah kekurangan dan kelebihan pemakanan, penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup serta kaedah untuk mengelakkan risiko penyakit melalui pemilihan makanan yang bijak. Pendekatan holistik pemakanan dan kesihatan diberi penekanan

This course covers the principles of nutrition and health and their use in healthy diet planning. Focus is given on the problems of under nutrition and over nutrition, diseases related to the lifestyle as well as prevention of risk factors of disease through proper selection of foods. Holistic approaches in nutrition and health are emphasized

FEM2302 Institusi dan Sistem Perkhidmatan Sosial/ *Social Institutions and Social Services System* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi pengertian, bentuk, fungsi dan hubungkait institusi sosial dengan kebijakan sosial. Penekanan diberikan ke atas peranan institusi ekonomi, institusi politik, institusi agama, institusi keluarga dan perkahwinan, institusi pendidikan, dan institusi perubatan dalam penyediaan perkhidmatan sosial

The course encompasses the meaning, form, function and the interrelations of social institutions with social welfare. Emphasis is on the functions of economic institution, political institution, religious institution, family and marriage institution, educational institution and medical institution in the provision of social services

FEM2303 Perancangan Program Pembangunan Manusia/ *Human Development Programme Planning* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi proses utama dalam merancang dan menilai program pembangunan manusia. Penekanan diberikan kepada definisi, fungsi dan langkah-langkah dalam proses perancangan program dalam pembangunan manusia. Teknik penulisan dan penilaian cadangan program pembangunan juga dibincangkan

This course encompasses the main processes in planning and evaluating human development programmes. Emphasis is given on the definitions, functions and steps in the planning process of human development programmes. Writing and evaluation techniques of a developmental programme proposal are also discussed

FEM2305 Pengembangan Komuniti/ *Community Extension* 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pendekatan, strategi dan proses pendidikan tidak formal yang bertujuan membawa perubahan pengetahuan, sikap dan amalan komuniti tertentu

This course encompasses the approach, strategy and process of informal education which aims to bring changes in the knowledge, attitude and practice of particular community

- FEM2306 Pengantar Psikologi/ *Introduction to Psychology* 3(2+1)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi konsep dan teori asas dalam psikologi. Tumpuan diberikan kepada analisis konsep psikologi dalam menangani cabaran kehidupan
This course covers the basic concepts and theories in psychology. Focus is given to the analysis of psychological concepts in managing life challenges
- FEM2307 Asas Kerja Sosial/ *Basic Social Work* 3(3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini merangkumi pemahaman terhadap kerja sosial sebagai satu profesion. Kaitan antara kerja sosial dengan kebajikan sosial dan masalah sosial. Pengetahuan asas praktis kerja sosial di peringkat individu, kumpulan dan komuniti juga dibincangkan
The course encompasses the understanding of a social work as profesion. The relationship between social work profesion with social welfare and social problems. Basic knowledge in social work practice with individual, group and community also discussed
- FEM2308 Asas Pembangunan Komuniti/ *Basic Community Development* 3(3+0)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini meliputi konsep dan takrif komuniti dan pembangunan komuniti serta kaitannya dengan pembangunan. Prinsip asas, strategi, agensi pelaksana dan proses pembangunan komuniti juga diberi penekanan. Kaitan antara pembangunan komuniti dengan pendayaupayaan, kesejahteraan dan kualiti hidup juga dibincangkan
This course covers the concepts and definitions of community, community development and its relationship to development. Basic principles, strategy, implementing agencies and process of community development will also be emphasised. The relationship between community development and empowerment, well-being and quality of life are also discussed
- FEM2311 Praktis Kerja Sosial di Malaysia/ *Social Work Practice in Malaysia* 3(2+1)
 Prasyarat : Tiada
 Kursus ini merangkumi sejarah dan perkembangan kerja sosial di Malaysia. Praktis kerja sosial, fungsi agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam kerja sosial serta masa depan kerja sosial di Malaysia juga dibincangkan
This course encompasses the history and development of social work in Malaysia. Social work practice, functions of government agencies and non-government agencies involved in social work as well as the future of social work practice in Malaysia are also discussed
- FEM2903 Latihan Industri/ *Practical Training* 6(0+6)
 Prasyarat : Tiada
 Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada persekitaran kerja yang sebenar di industri/organisasi. Latihan merangkumi aplikasi aspek teori dan praktikal yang telah dipelajari dengan amalan semasa di tempat kerja. Kemahiran menyelesaikan masalah dan komunikasi turut diberi penekanan
In this course, students are exposed to real working environment in industries/organizations. Training includes application of the theoretical and practical aspects that have been studied with current practices in the workplace. Problem solving and communication skills are also emphasized

- FEM2996 Kertas Ilmiah/ *Project Paper* 3(0+3)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi pelaksanaan penyelidikan berkaitan keusahawanan dalam bidang Pembangunan Manusia yang dijalankan selama satu semester. Pelajar memilih tajuk berkaitan dengan bidang Pembangunan Manusia dan dikehendaki merancang, menganalisis data sekunder dan menulis laporan penyelidikan secara saintifik
- This course encompasses the conduct of one semester entrepreneur related research project in the field of Human Development. Student selects a topic related to Human Development and is required to plan, analyse secondary data, and writes a scientific research report*
-
- PSI2003 Psikologi Kerja/ *Psychology of Work* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi gelagat pekerja dan persekitaran kerja, prestasi kerja, keselamatan kerja, stres kerja, produktiviti dan kepuasan kerja
- This course encompasses the workers' behaviour and work environment, work performance, work safety, work stress, productivity and job satisfaction*
-
- PSP2102 Kemahiran Membuat Keputusan/ *Decision Making Skills* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi konsep, proses dan strategi pembuatan keputusan serta kepentingan membuat keputusan dalam pengurusan sumber dan penyelesaian masalah. Tumpuan juga diberikan kepada aplikasi kemahiran membuat keputusan dalam pelbagai situasi
- This course encompasses concepts, processes and decision making strategies as well as the importance of decision making in resource management and problem solving. Emphasis is also given to the application of the decision making skills in various situation*
-
- SKP2102 Pengantar Sosiologi dan Antropologi Sosial/ *Introduction to Sociology and Social Anthropology* 3(3+0)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi perspektif sosiologi dan antropologi untuk memahami dialektik antara diri (individu) dan masyarakat. Ia memberi tumpuan kepada konsep dalam bidang Sosiologi dan Antropologi serta aplikasi dalam mentafsir fenomena sosial
- This course covers sociological and anthropological perspectives in understanding the dialectic between self (individual) and society. It focuses on the concepts in Sociology and Anthropology as well as the applications in interpreting social phenomena*
-
- BGY1002 Prinsip Biologi II/ *Principles of Biology II* 3(2+1)
- Prasyarat : Tiada
- Kursus ini merangkumi biologi sel, teori sel, kepentingan struktur membran sel, ikatan kimia sel dan aliran tenaga untuk hidupan. Konsep asas pembahagian sel dan proses fisiologi haiwan dan tumbuhan serta konsep ekosistem dan ekologi juga dibincangkan
- This course covers on cell biology, cell theory, the importance of cell membrane structure, cell chemical bonds and energy flow between organisms. The basic concepts of cell division and physiological processes of animals and plants, concepts of ecosystem and ecological are also discussed*

ACN2112	Perakaunan Pengenalan/ <i>Introductory Accounting</i>	4(4+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi pengetahuan mengenai asas perakaunan, penyediaan penyata kewangan perniagaan milikan tunggal dan penggunaan maklumat perakaunan dalam perniagaan		
<i>This course covers the knowledge of fundamental concepts of accounting, preparation of financial statements of sole proprietorship and the use of accounting information in business</i>		
ECN1010	Pengenalan Kepada Ekonomi/ <i>Introduction to Economics</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi teori asas mikroekonomi dan makroekonomi. Hubungan di antara teori dan isu ekonomi ditekankan		
<i>This course covers the fundamental theories of microeconomics and macroeconomics. The relationship between theories and economic issues are emphasised</i>		
FIN2212	Analisis Dan Pengurusan Kewangan/ <i>Financial Analysis and Management</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi konsep pengurusan kewangan, nilai masa wang, risiko dan pulangan, kos modal, dan teknik belanjawan modal untuk mengurus sumber kewangan		
<i>This course covers the concepts of financial management, time value of money, risk and return, cost of capital, and the technique of capital budgeting for managing financial resource</i>		
MGM1113	Prinsip Pengurusan/ <i>Principles of Management</i>	3(3+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini meliputi prinsip teknik pengurusan dalam sesebuah organisasi. Proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan untuk mencapai matlamat organisasi dengan cekap dan berkesan diberi penekanan		
<i>This course covers the principles and techniques of management in an organization. The planning, organizing, leading and controlling processes used to achieve an organization's goals effectively and efficiently are emphasised</i>		
MGM2120	Statistik Perniagaan/ <i>Business Statistics</i>	4(4+0)
Prasyarat : Tiada		
Kursus ini merangkumi konsep asas statistik dalam perniagaan. Penggunaan kaedah statistik serta rumusan unjuran statistik dalam pengurusan perniagaan diberi penekanan		
<i>This course covers concepts of statistics in business. The use of statistical methods and projected formula of statistical methods in business management is emphasised</i>		

MGM1131 Pengenalan Kepada Gelagat Organisasi/ *Introduction to Organisational Behaviour* 3(3+0)

Prasyarat : MGM1113

Kursus ini membincangkan konsep berkaitan gelagat kerja individu, kumpulan dan organisasi. Kesan faktor tersebut ke atas keberkesanan organisasi diberi penekanan

The course discusses concepts related to individual, group and organisational behaviour. The effects of these factors on organisational effectiveness are emphasised

MGM1162 Matematik Perniagaan/ *Business Mathematics* 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan aplikasi matematik yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah perniagaan secara bebas. Kaedah matematik asas dalam menyelesaikan masalah kewangan dan ekonomi dalam perniagaan diberi penekanan

This course introduces students to the mathematical concepts and applications necessary in independently solving business problems. Basic mathematical methods in solving problems finance and economics in business are emphasised

MGM1192 Komputer Dan Teknologi Digital/ *Computer and Digital Technology* 3(3+0)

